



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : SISTEM EKONOMI ISLAM
KOD KURSUS : DPI 2183
PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2016
MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian:

	BAHAGIAN A (20 Markah)
	BAHAGIAN B (80 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALANINI MENGANDUNG 5 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab SEMUA di dalam Kertas Jawapan.

"Ekonomi Islam ialah sekumpulan dasar-dasar umum ekonomi yang diambil dari al Quran dan al Sunnah. Manakala pembangunan ekonominya dari segi teori dan sistem perlaksanaannya adalah berdasarkan kepada dasar-dasar tersebut sesuai dengan keadaan, masa dan tempat"

(Dr Mohamad Abdullah al-Arabi)

Berdasarkan kenyataan di atas:

- a) Senaraikan **EMPAT (4)** maqasid syariat. (2 markah)

- b) Jelaskan **TIGA (3)** asas falsafah ekonomi Islam . (6 markah)

- c) Terangkan **EMPAT (4)** matlamat ekonomi Islam (8 markah)

- d) Huraikan **DUA (2)** prinsip ekonomi Islam (4markah)

[20 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **LIMA (5)** soalan.

Jawab **EMPAT (4)** soalan SAHAJA. Jawab di dalam Buku Jawapan.

Soalan 1

'Penggunaan dalam hierarki barang dan perkhidmatan merupakan peringkat terakhir selepas aktiviti pengeluaran dan pengagihan...'

Berdasarkan ayat di atas:

- a) Bincangkan **EMPAT(4)** prinsip kepenggunaan dalam Islam. (8 markah)
- b) Terangkan **EMPAT (4)** kepentingan penggunaan dalam Islam. (8 markah)
- c) Islam telah menetapkan keperluan mengikut keutamaan. Nyatakan **DUA (2)** tingkat keperluan tersebut beserta contoh. (4markah)

Soalan 2

Bincangkan istilah-istilah berikut:

- a) Al-Qias (5 markah)
- b) Al-ijmak Ulama (5 markah)
- c) Khiyar (5 markah)
- d) Aqad (5 markah)

Soalan 3

Allah SWT berfirman dalam *al-Quran*, Surah *al-Nisaa'* ayat 29:

"Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu saling memakan harta sesama kamu dengan jalan yang batil (salah), kecuali dengan jalan perniagaan yang berlaku suka sama suka di antara kamu."

- (a) Apakah makna kontrak dalam ekonomi Islam? (1 markah)
- (b) Nyatakan secara ringkas rukun-rukun kontrak dalam Islam? (3 markah)
- (c) Bezakan antara kontrak Mudhorabah dengan kontrak Musyarakah (6 markah)
- (d) Senaraikan **EMPAT (4)** kontrak yang dibenarkan dalam Islam selain Mudhorabah dan Musyarakah. (2 markah)
- (e) Berikan maksud riba. Bincangkan secara kasar **TIGA (3)** jenis riba dalam ekonomi Islam. (8 markah)

Soalan 4

Zakat ialah satu institusi yang tidak boleh dihapuskan di dalam ekonomi Islam. Ianya menjadi tuntutan agama yang termaktub di dalam al-Quran

- (a) Huraikan tujuan-tujuan zakat dalam ekonomi Islam.
(2 markah)
- (b) Huraikan secara ringkas **LAPAN (8)** asnaf yang layak menerima zakat dalam Islam.
(8 markah)
- (c) Huraikan secara ringkas definisi cukai serta jenis cukai berikut:
- i. Kharaj(cukai tanah ke atas muslim dan bukan muslim)
 - ii. Jizyah al-sulh(cukai perlindungan oleh Negara kafir)
 - iii. Usyur(cukai import)
 - iv. GST(Government Service Tax)
- (10 markah)

Soalan 5

Nyatakan nama seorang “**Tokoh Islam**” atau “**Usahawan Islam**” yang anda kenali dan ketahui biografinya kemudian huraikan sumbangannya di dalam perkembangan bidang ekonomi Islam.

(20 markah)

[80 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

